

UNIT 1 PUISI TRADISIONAL

Pantun Empat Kerat (Budi)

	Rangkap	Maksud
1	Terang bulan terang di paya, Anak kambing memakan rumput; Jika tak kenang kepada saya, Nama yang baik tidak tersebut.	Pantun ini disampaikan sebagai pesanan tidak langsung bahawa orang yang berbudi hendaklah dikenang.
2	Anak merak mati tersangkut, Mati dipanah Seri Rama; Resam di dunia juga disebut, Orang yang mati meninggalkan nama.	Orang yang berbudi, pasti akan disebut-sebut walaupun dia telah meninggal dunia.
3	Anak itik terenang-renang, Air pasang tenang-tenangan; Budi sedikit bila kan hilang, Itu menjadi kenang-kenangan.	Jasa dan budi orang sentiasa dikenang. Biarpun kecil, budi itu tetap dihargai.
4	Anak ikan berlima-lima, Mati ditimpa punggur berdaun; Kasih tuan saya terima, Sebagai hutang seribu tahun.	Seseorang yang mengasihi yang lain, apabila kasihnya diterima hubungan tersebut akan berterusan untuk jangka masa yang panjang.

Pantun Empat Kerat (Jenaka dan Sindiran)

	Rangkap	Maksud
1	Apa guna berkain batik, Kalau tidak memakai cerpal; Apalah guna beristeri cantik, Kalau tidak pandai menumbuk sambal.	Isteri yang cantik tidak dianggap sempurna jika dia tidak tahu melakukan kerja-kerja dapur.
2	Dari Kelang lalu ke Jawa, Naik sigai ke atas atap; Ikan kering lagi ketawa, Mendengar tupai membaca kitab.	Kitab selalunya dibaca oleh orang yang berpengetahuan. Oleh sebab itu, jika orang yang dianggap tidak berilmu menunjukkan kemahirannya, pihak lain pasti akan ketawa kerana tidak percaya.
3	Ambil segulung rotan saga, Suruh diambil mari diurut; Duduk termenung harimau tua, Melihat kambing mencabut janggut.	Orang yang pernah berkuasa tidak akan dapat berbuat apa-apa kepada rakyat biasa apabila kuasanya telah hilang.
4	Kupu-kupu terbang melintang, Hinggap menghisap bunga layu; Hati di dalam menaruh bimbang, Melihat ikan memanjat kayu.	Keupayaan seseorang yang biasanya dianggap hanya layak berada di bawah akan menimbulkan kebimbangan kepada orang atasan.
5	Lebat sungguh padi di paya, Kayu tumbang di pangkalan; Hairan sekali hati saya, Burung terbang disambar ikan.	Apabila orang bawahan mendapat kuasa dan berjaya menjatuhkan orang atasan dan berpengaruh, tentulah akan menimbulkan kehairanan.

Syair Definisi Orang Berakal

	Rangkap	Maksud
1	Orang berakal sangat mulia, Pakaian anbia dan aulia, Barang siapa mengikuti dia, Itulah tanda orang bahagia.	Orang yang berakal atau cerdik pandai dianggap mulia oleh masyarakat dan menyamai orang alim. Sesiapa yang menjadi pengikut orang yang berakal akan dapat hidup bahagia.
2	Kerana ia akalinya tajam, Menjadi kepala bela bermacam, Jikalau mata melihatkan kejam, Disebutlah ia jalan tersunjam.	Orang yang berakal akan membela sesiapa sahaja yang dianiayai. Si pelakunya pula akan menerima balasan yang setimpal dengan kekejaman yang telah dilakukannya.
3	Telek pandangan dan makrifat, Sangatlah mengasihi tuan dan sahabat, Tiada mengasihi orang yang jahat, Takut akhirnya menjadi fazihat.	Orang yang berakal mempunyai pandangan yang jauh. Dia akan bersahabat dengan orang yang baik dan mengetepikan orang yang jahat.
4	Sebagai lagi tanda berakal, Perintah syarak tidak menyangkal, Menjauhkan tamak hendak tawakal, Ibanya tahu dunia tak kekal.	Orang yang berakal akan mengikut hukum-hukum agama. Selain berserah kepada Allah, orang yang berakal juga tidak bersikap tamak haloba kerana dia sedar bahawa dunia ini tidak akan kekal.
5	Jika ia dikasihi raja, Tiadalah ia melanja-lanja, Tiadalah menyombong pada bekerja, Dengan taulannya bersamaan sahaja.	Orang yang berakal tidak mengada-ngada walaupun dikasihi oleh pihak atasan. Dia tidak sombong, sebaliknya sentiasa berbaik-baik dengan rakan-rakan.
6	Apabila raja kasih sangat, Makin itu makin ia ingat, Segala taulannya hatinya ditambat, Merendahkan diri serta berkhidmat.	Jika pihak atasan memberikan perhatian yang lebih kepadanya, orang yang berakal itu makin berusaha merapatkan hubungan dengan rakan-rakannya, tetap bersikap rendah diri, dan makin kuat bekerja.
7	Demikian lagi dengar olehmu, Tanda berakal kasihkan ilmu, Suka mentelaah tiadalah jemu, Mencari kupasan jangan tersemu.	Orang yang berakal tidak berasa bosan dalam mengejar ilmu pengetahuan. Dia ingin memahami sesuatu bidang ilmu secara mendalam.

Syair Siti Sianah

	Rangkap	Maksud
1	Setengahnya perempuan terlalu janggalnya, Roma di muka pula dicukurnya, Seperti taji berandam di keningnya, Kemudian memakai dengan selengkapnya.	Sesetengah perempuan mencukur bulu roma agar kelihatan lebih cantik.
2	Mengagak mengilai terlalu suka, Melihat laki-laki ditampakkan muka, Supaya laki-laki boleh menyangka, Ianya elok tidak terhingga.	Ada perempuan yang ketawa dengan kuat tanpa perasaan malu dan ingin menonjolkan diri di depan lelaki.
3	Setengah perempuan sangat pesolek, Berhias berdandan berpakai molek, Di dalam cermin muka ditelek, Kanan dan kiri dibekek-bekek.	Ada pula perempuan yang mengambil masa yang lama untuk bersolek.

4	Meskipun tiada berapa eloknya, Ada yang setengah kembang hidungnya, Serta pula kepik batangnya, Seperti buaya besar mulutnya.	Gambaran perempuan yang hodoh rupanya.
5	Setengah perempuan perangnya cela, Habis dipenuhi rambut kepala, Rambut yang sikit disiputnya pula, Memakai cemara berjela-jela.	Ada perempuan yang terlalu mengambil berat perihal rambutnya.
6	Terkadang muka dibubuh pupuri, Kaki dan tangan, lengan dan jari, Jadilah rupanya putih berseri, Pekerjaan tipu sangat digemari.	Ada perempuan yang bersolek seluruh tubuh hingga kelihatan putih berseri.
7	Setengah perempuan yang makan angkat, Memakai gelang bertingkat-tingkat, Memandang laki-laki matanya lekat, Dengan jantan suka berdekat.	Sesetengah perempuan suka disanjung, memakai gelang dengan banyaknya, dan gemar memikat lelaki.
8	Kaki dan tangan dinaikkan pula, Pura-pura dikatakan ubat segala, Hakikatnya diketahui Allah Taala, Supaya lelaki berhati gila.	Pelbagai aksi dilakukan oleh perempuan untuk memikat lelaki.
9	Berlindunglah kita kepada Allah, Daripada perbuatan yang amat salah, Mudah-mudahan dilepaskanlah, Jangan menjadi betina sempolah.	Sesungguhnya, berlindunglah kepada Allah supaya tidak menjadi perempuan yang layak digelar sampah masyarakat.
10	Sesetengahnya suka bermain judi, Inilah perandai banyak terjadi, Habislah tergadai intan serudi, Kerana perandai sudah membadi.	Sesetengah perempuan suka berjudi hingga habis harta tergadai.
11	Laki-laki dan perempuan bertindih lutut, Banyaklah kelakuan yang tidak patut, Sembahyang ibadat sudahlah bantut, Kerana syaitan duduk di buntut.	Sesetengah perempuan suka duduk rapat dengan lelaki hingga bertindih lutut kerana termakan hasutan syaitan.

Gurindam 12 Pasal yang Keenam

	Rangkap	Maksud
1	Cahari olehmu akan sahabat, Yang boleh dijadikan ubat.	Cadangan agar memilih sahabat yang dapat menyenangkan hati.
2	Caharu olehmu akan guru, Yang boleh tahukan tiap seteru.	Cadangan agar belajar dengan guru yang benar-benar berilmu.
3	Cahari olehmu akan isteri, Yang boleh menyerahkan diri.	Cadangan agar mencari isteri yang taat setia kepada suami.
4	Cahari olehmu akan kawan, Pilih segala setiawan.	Cadangan agar mencari kawan yang baik dan tidak bersikap hipokrit.

2	Maju ke ruang buku Terlalu kerdil aku di sini Terapung di laut ilmu Tercurah berzaman Dalam tak terselam Betapapun ku layari Bahtera ilmu di sini Tak terteroka Yang akan kucatat Hanya setitik dari tinta Yang akan ku petik Hanya sebiji dari mutiara Engkau adalah pusaka moyang Gedung peradaban insan Terhimpun berzaman	Ilmu yang dapat diperoleh di perpustakaan terlalu banyak. Namun, ilmu yang dapat dikuasai oleh seseorang sedikit sahaja.
3	Bersemadi di sini Aku adalah pelayar yang dahaga Di dada samudera Tak berpantai Betapapun ku teguk darinya Dahaga tak pernah langasai	Pembaca yang ingin mendapatkan ilmu tidak akan berasa jemu untuk teras membaca.

Mengintai Ruang Insaf (*Shukri Abdullah*)

	Rangkap	Maksud
1	Semakin berat kejahilan terpikul di bahu semakin jauh perjalanan memburu nur-Mu.	Orang yang jahil jauh daripada cahaya kebenaran.
2	Sewaktu berlari di padang hidup kerap kakiku tersadung selirat akar tubuhku tercalar duri pidana pada samar kejauhan ancala mulia makin kabur dan menghilang.	Kehidupan manusia sering diselubungi kesilapan dan kesalahan.
3	Sekadar songsong aksara kata tanpa kembali ke tunjang makna, “Apakah dalam daraf khilaf masih terbuka ruang untuk dianugerahkan keinsafan?”	Penyajak tertanya-tanya, adakah masih ada ruang untuknya kembali ke jalan yang benar?
4	Rabb, moga pintu taubat-Mu terbuka sebelum api dari bara itu menyala.	Berdoa semoga pintu taubat terbuka untuknya sebelum hari kiamat tiba.

Mahsuri (*Zurinah Hassan*)

Rangkap	Maksud
<p>1 Selendangmu mengibar di pantai menyambut tetamu pulau setiamu menjadi lagu nyanyian ombak pagi rambutmu menjadi jalur hitam terapung di laut malam air matamu dingin embun jatuh di tujuh telaga dendam tujuh keturunan melengkung tujuh tanjung putihlah pulau ini disimbah darah suci Mahsuri sumpah itulah yang menghidupkan Langkawi kerana tanpamu Langkawi tidak sebegini.</p>	<p>Mahsuri ialah lambang wanita yang setia. Mahsuri juga menyimpan dendam terhadap orang yang menzaliminya. Sumpah Mahsuri itulah yang telah menghidupkan Langkawi hingga dikenali ramai.</p>
<p>2 Kata orang Mahsuri tidak pernah hidup dia hanya bermula dengan khayalan seorang seniman pun kata orang Mahsuri pernah hidup tetapi bahasa seorang pencerita membuatnya lebih hidup dari kehidupannya sastera yang mewarnai tanah air kerana tanpa Mahsuri Langkawi tidak sebegini bererti.</p>	<p>Timbul perdebatan tentang kewujudan Mahsuri, iaitu sama ada kisah Mahsuri cuma khayalan, seniman atau bahasa dalam karya sastera yang telah menghidupkan kisah tersebut sehingga Langkawi mengalami pelbagai perubahan.</p>
<p>3 Mahsuri membesarkan Langkawi sastera membesarkan tanah air.</p>	<p>Kisah Mahsuri telah menaikkan nama Langkawi, manakala sastera pula telah membangunkan bidang kesusasteraan tanah air.</p>

Adat Sezaman (*Wan Nasihah Wan Abdullah*)

Rangkap	Maksud
<p>Peradaban zaman semakin berlalu meninggalkan kesan mendalam terlalu indah apabila dipandang terlalu mulia apabila diselidik santun si dara jadi idaman warak si teruna jadi ikatan si tua tersenyum mesra memandang teruna dara sama cantik sama padan berganding bersama di singgahsana... Masa itu telah jauh zaman sudah berlalu santun sang dara dan warak sang teruna telah lenyap si tua berduka lara memandang teruna dara</p>	<p>Ada kesan tertentu dan mendalam apabila masa berlalu. Zaman lama berganti dengan zaman baru. Pada masa dahulu, hubungan teruna dara sangat sopan, sedap mata memandangi, dan menyenangkan hati orang tua-tua. Kini, keadaan itu bertukar dengan gaya hidup baru kesan daripada pengaruh asing, iaitu berlaku pelanggaran batas-batas pergaulan antara lelaki dengan perempuan.</p>

berganding tanpa silu tanpa hormat tanpa balasan adat sezaman ditinggal jauh adat agama dipandang remeh adat kuning menjadi ikutan.	
--	--

Tiba Waktunya (*Ghazali Lateh*)

	Rangkap	Maksud
1	<p>Angin musim semakin deras dan ganas meniup tamadun ke era yang pantas lihatlah siapa mereka yang memanjang langkah merebut tunas-tunas harapan yang hijau dari putik dan pucuk berembun kemilau.</p>	<p>Pada zaman ini, manusia berlumba-lumba untuk maju.</p>
2	<p>Haruskah kita tunduk mengutip sisa-sisa atau berada di sana meraih sejahtera? Usah kautanya persoalan dilema kerana itu bukan waktunya untuk berhujah perlu tidak dan masa pun tidak akan menanti buat mewajar padah atau simpati.</p>	<p>Sekarang bukan masanya untuk kita mempersoalkan sama ada kita harus mara ke hadapan untuk mengejar kemajuan atau perlu menoleh ke belakang semula. Hal ini demikian kerana masa berlalu dengan pantas.</p>
3	<p>Wanita zaman siber perlu mengacung minda ke tengah arena suara dan kudratmu adalah pemangkin aspirasi menuju wawasan era globalisasi.</p>	<p>Wanita masa kini perlu menyumbangkan pendapat dan tenaga untuk merealisasikan wawasan negara.</p>
4	<p>Lepaskanlah segala belunggu kedaifan huraikan segala keliru kekusutan wanita zaman ini perlu bangun berani yakin diri tahan diuji tinggi pekerti anggun gerak-geri terunggul dalam segala segi.</p>	<p>Wanita hari ini perlu membebaskan diri daripada belunggu kemiskinan dan cengkaman emosi. Mereka harus lebih berani, berkeyakinan, tahan dengan ujian, berbudi pekerti, dan berterampil.</p>
5	<p>Mari kita jana semua upaya dalam menjulang citra seluruh wanita dengan kudrat mental juga fizikal berbekal iman dan semangat cekal kita gerakkan kemampuan yang pukal.</p>	<p>Gabungan antara tenaga wanita dengan iman dan semangat akan membawa kemajuan.</p>
6	<p>Kini sudah tiba waktunya kini bertakhta di persada dunia.</p>	<p>Sudah tiba masanya kita berdiri sama tinggi, duduk sama rendah dengan masyarakat dunia.</p>